

PERKEMBANGAN METODE PEMAHAMAN HADIS DI MALAYSIA

Faisal bin Ahmad Shah

Ketua Jabatan Al-Qur'an and Al-Hadis Universiti Malaya

e-mail: faisalas@um.edu.my

Abstra

Artikel ini akan membincangkan mengenai kepentingan memahami hadis dengan tepat dan beberapa contoh kesalahan dan kesilapan dalam memahami hadis di Malaysia.. Ulama hadis telah menggariskan beberapa metode dalam memahami hadis dengan tepat. Pengabaian kepada metode ini akan menyebabkan berlakunya salah faham dan kesilapan dalam memahami hadis. Sejarah membuktikan bahawa penyelewengan musuh-musuh Islam daripada kalangan orientalis, anti hadis (ingkar sunnah) dan golongan liberal dalam memahami hadis adalah disebabkan pengabaian mereka kepada metode pemahaman hadis yang telah ditetapkan oleh para ulama. Justeru artikel ini akan cuba membahaskan metode-metode yang telah digariskan oleh para ulama seterusnya membawa beberapa contoh kesilapan dalam memahami hadis yang berlaku di Malaysia. Terdapat tujuh kesalahan metode pemahaman hadis yang dapat dikesan di Malaysia iaitu “Memahami Hadis Secara Terpisah Dengan Hadis Yang Lain, Mengabaikan aspek *Siyaq* (gaya teks) dan *Sabab Wurud al-Hadis*, Melampau dalam Berpegang dengan Zahir Hadis (tekstual), Melampau dalam penggunaan Akal, Melampau dalam Takwil Hadis, Memahami hadis tanpa mengambil kira maqasid dan Memahami dilalah hadis secara salah.

Kata Kunci : metode, pemahaman hadis, Malaysia

Pendahuluan

Hadis merupakan sumber kedua ajaran Islam selepas Alquran. Hadis juga berperanan sebagai penjelas kepada Alquran dalam bentuk mengkhususkan yang umum, mengikat yang mutlak, menguatkan apa yang terdapat dalam Alquran selain menetap hukum-hukum baru yang tidak terdapat dalam Alquran. Justeru kefahaman yang betul dan tepat terhadap fungsi dan peranan hadis dapat mengelakkan salah faham terhadap hadis-hadis nabi s.a.w. Namun memahami hadis dengan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh nabi bukanlah suatu perkara yang mudah. Ia memerlukan kepada pengetahuan yang mencukupi berkaitan kaedah dan metode memahami hadis. Ini ditambah lagi dengan luasnya bidang dan cabang ilmu hadis sendiri yang merangkumi ilmu *riwayah* dan *dirayah* hadis. Antara ilmu-ilmu dalam bidang hadis *dirayah* yang perlu difahami dengan sebaiknya ialah ilmu *mukhtalaf al-hadis*, *mushkil al-hadis*, *asbab al-*

wurud, nasikh mansukh di samping ilmu-ilmu yang berkaitan dengan usul fiqh seperti *al-'am* dan *al-khas*, *mutlaq muqayyad* dan sebagainya. Artikel ini akan membincangkan mengenai kepentingan memahami hadis dengan tepat, kaedah-kaedah penting dalam memahami hadis dan beberapa contoh kesalahan dan penyelewengan dalam memahami hadis di Malaysia.

Kepentingan Memahami Hadis Dengan Tepat

Penghadaman terhadap kaedah-kaedah memahami hadis penting bagi menghasilkan kefahaman yang tepat terhadap hadis. Ibn Qayyim dalam kitab al-Ruh pernah menyatakan:

Seharusnya difahami daripada Rasulullah apa yang dimaksudkan tanpa melampaui dan mengurangi. Jangan sekali-kali memahami ucapan nabi dengan kefahaman yang tidak boleh dipertanggung jawabkan dan jangan mengurangi daripada maksudnya dan daripada apa yang dikehendaki oleh Rasulullah daripada petunjuk dan penjelasan. Sesungguhnya akibat daripada pengabaian terhadap perkara ini dan pemalingannya sehingga membawa kepada kesesatan dari kebenaran terhadap perkara yang tidak diketahui melainkan Allah. Bahkan salah faham daripada kehendak Allah dan rasulnya merupakan asal kepada segala bidaah dan kesesatan yang meresapi dalam agama Islam bahkan ia merupakan asal setiap kesalahan dalam perkara usul dan *furu'* terutamanya jika ditambah dengan niat yang buruk dan bertepatan pula dengan salah faham dalam beberapa perkara daripada apa yang diikuti sedangkan niatnya baik...¹

Pemahaman Hadis Pada Masa Sahabat

Terdapat beberapa contoh daripada amalan para sahabat yang membuktikan bagaimana mereka memahami hadis-hadis nabi s.a.w. Sebagai contoh hadis nabi yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar r.a

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْأَحْرَابِ لَا يُصَلِّيَنَّ أَحَدُ الْعَصْرِ إِلَّا فِي بَنِي قُرْيَظَةَ فَأَذْرَكَ بَعْضُهُمُ الْعَصْرَ فِي الطَّرِيقِ فَقَالَ بَعْضُهُمْ لَا نُصَلِّيَ حَتَّى نَأْتِيهَا وَقَالَ بَعْضُهُمْ بْنُ نُصَلِّي لَمْ يُرِدْ مِنَ ذَلِكَ فَذَرِّنَكَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يُعْنِفْ وَاحِدًا مِنْهُمْ²

Maksudnya: *Daripada Ibn Umar r.a berkata: Nabi s.a.w bersabda pada hari peperangan Ahzab: “Jangan seseorang pun daripada kamu solat Asar melainkan di Bani Quraizah”. Namun sebahagian sahabat solat Asar di tengah perjalanan manakala sebahagian yang lain pula melarang solat Asar melainkan setelah sampai di Bani Quraizah. Sebahagian yang lain berkata bahkan kita perlu solat, nabi tidak memaksudkan daripada kita demikian. Kemudian amalan kedua-dua kumpulan sahabat tersebut diceritakan kepada nabi dan nabi tidak mencela seorang pun di kalangan mereka.*

Apa yang dilakukan oleh sebahagian sahabat terhadap hadis “ jangan kamu solat Asar kecuali di perkampungan Bani Quraizah” menunjukkan ada sebahagian di kalangan mereka memahami hadis tersebut secara zahir lafaz (tekstual) dengan solat di Bani Quraizah walaupun hari telah gelap. Ada pula satu kumpulan sahabat yang memahami sebaliknya iaitu solat dalam perjalanan ke Bani Quraizah. Dalam hal ini kedua-dua kumpulan sahabat ini telah berijtihad dengan apa yang mereka rasakan tidak mendatangkan mudarat kepada mereka.

Kaedah-Kaedah Memahami Hadis Yang Telah digariskan oleh Para Ulama

Beberapa orang ulama kontemporari telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai metode pemahaman hadis antaranya Prof Dr Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya “ *Kayfa Nata’amalu ma’ a al-Sunnah*. Buku ini telah dicetak oleh al-Ma’had al-‘Alami li fikri al-Islami. Begitu juga Syeikh Mustafa Ahmad al-Zarqa dalam bukunya yang berjudul *al-‘Aql wa al-Fiqh fi Fahm al-Hadis al-Nabawi* yang telah dicetak oleh Dar al-Qalam Dimashq. Prof Dr Anis bin Ahmad Tahir pensyarah di Universiti Islam Madinah turut membincangkan mengenai kaedah memahami hadis dalam bukunya “ *Dawabit Muhimmah li husni Fahmi al-Sunnah* ”. Selain itu beberapa seminar berkaitan metode pemahaman hadis turut pernah diadakan antaranya *Nadwah Fahm al-Sunnah al-Nabawiyyah : al-Dawabit wa al-Ishkalat* yang dianjurkan oleh Shabakah al-Sunnah al-Nabawiyyah wa ‘Ulumuha di Hotel Madarim Crown di Riyad Arab Saudi pada 4/6/1430H.

Daripada tulisan-tulisan ini dapat dirumuskan bahawa antara metode pemahaman hadis yang digariskan oleh para ulama ialah:

- a) Memahami hadis menurut perspektif Alquran

- b) Mengumpulkan lafaz-lafaz bagi satu hadis pada satu tempat
- c) Mengumpulkan hadis-hadis berkaitan satu topik pada satu tempat
- d) Mengharmonikan hadis –hadis yang bertentangan secara zahir
- e) Tarjih
- f) Mengenalpasti nasakh dan mansukh
- g) Mengetahui asbab wurud al-hadis
- h) Mengetahui gharib al-hadis
- i) Memahami hadis sebagaimana difahami oleh sahabat
- j) Merujuk kepada kitab-kitab syarah hadis
- k) Mengetahui al-‘am,al-khas,al-mutlaq dan al-muqayyid
- l) Mengetahui mudraj

Kesalahan Dalam Memahami Hadis di Malaysia

Terdapat beberapa kesalahan metode dalam memahami hadis di Malaysia yang boleh dirumuskan kepada tujuh kesalahan. Kesalahan ini dilakukan oleh orang perseorangan, kumpulan seperti anti hadis, Islam Liberal serta kumpulan sufi yang menyeleweng seperti Dar al-Arqam. Berikut adalah kesalahan dalam memahami hadis:

1. Memahami Hadis Secara Terpisah Dengan Hadis Yang Lain

Hadis nabi tidak boleh difahami secara terpisah daripada hadis yang lain. Justeru ulama menetapkan kaedah iaitu mengumpulkan hadis-hadis yang berkaitan dalam satu topik. Imam Ahmad pernah menjelaskan : Jika engkau tidak mengumpulkan turuq-turuq hadis maka engkau tidak akan dapat memahaminya . Ini adalah kerana hadis dihuraikan oleh hadis yang lain.³

Berdasarkan kenyataan ini seorang yang ingin memahami hadis dengan betul dan tepat perlu mengumpul sebanyak mungkin riwayat berkaitan hadis tersebut. Ini adalah kerana mungkin terdapat beberapa maklumat tambahan dalam hadis yang lain yang tidak disebutkan dalam hadis yang dikaji.

2. Mengabaikan aspek *Siyaq* (gaya teks) dan *Sabab Wurud al-Hadis*

Antara perkara yang dapat membantu dalam memahami hadis dengan tepat ialah mengambilkira *al-siyaq* (gaya teks) yang digunakan dalam hadis. Ibn al-Qayyim pernah menyebutkan

Al-Siyaq member penerangan kepada perkara yang mujmal, menentukan perkara yang mempunyai kemungkinan, memastikan tiada wujudnya kemungkinan yang tidak dimaksudkan, mengkhususkan yang umum, mengikat yang mutlaq, mempelbagaikan dalil-dalil.⁴

Ibn al-Qayyim turut menegaskan bahawa kurangnya seorang mujtahid dalam memahami *dilalah* dan *siyaq* akan membawa kepada salah faham dan kesalahan. Ketika menceritakan mengenai kesalahan mazhab Zahiriyyah: katanya: Kesalahan kedua: kekurangan mereka dalam memahami nas. Berapa banyak hukum yang dibuktikan oleh nas tetapi mereka tidak memahami *dilalahnya* Punca kepada kesalahan ini ialah mereka mengikat *dilalah* berdasarkan zahir lafaz hadis tanpa mengisyaratkannya atau mengingatkannya atau memperkenalkannya kepada golongan yang ditujukan ucapan tersebut. Mereka tidak memahami firman Allah taala : فلا تقل لهم أَفْ وَلَا تُتَهِّرْهُمْ sebagai memukul tidak juga sebagai mencela dan tidak juga menghina melainkan mereka memahaminya sebagai *uffin*.⁵

Contoh

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim

مَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعُمِّلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْنَ أَجْرٌ مِنْ عَمَلِ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعُمِّلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْنَ وَزْرٍ مِنْ عَمَلِ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ .⁶

Maksudnya: Sesiapa yang memulakan sunnah yang baik kemudian diamalkan selepasnya maka ditulis baginya pahala seperti pahala orang yang mengamalkannya tanpa mengurangkan sedikit daripada pahala mereka. Manakala sesiapa yang memulakan sunnah yang buruk kemudian diamalkan selepasnya maka ditulis baginya dosa seperti dosa orang yang melakukannya tanpa mengurangkan sedikit pun dosa mereka

Ada di kalangan umat Islam di Malaysia memahami bahawa hadis ini sebagai dalil yang membenarkan apa sahaja amalan baru yang dianggap baik untuk diamalkan dan dilaksanakan walaupun tiada nas berkaitan dengannya. Menurut mereka, hadis riwayat Imam Muslim ini menceritakan mengenai merintis sesuatu yang baru, baik dan belum pernah dilakukan sebelumnya. Dari sudut bahasa “sanna” adalah merintis perkara baru, bukan menghidupkan perkara yang sudah ada atau berpegang teguh dengannya.

Namun maksud Nabi s.a.w dengan sabdanya مَنْ سَنَ sesiapa yang merintis sunnah hasanah/baik" adalah mendahului dalam mengamalkan sunnah yang diajar atau diperintahkan oleh Nabi dan bukan membuat suatu ibadah yang baru. Hal ini sangat jelas berdasarkan *asbab wurud hadis* ini. Hadis yang diriwayatkan oleh Jarir bin Abdillah r.a yang bermaksud:

"Kami bersama Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam di awal siang, lalu datanglah sekelompok orang yang seperti tidak berpakaian disebabkan pakaian mereka dari bulu yang bergaris-garis dan robek, sambil membawa pedang. Kebanyakan mereka dari suku Mudor, bahkan seluruhnya dari Mudor. Maka tatkala Rasulullah melihat keadaan mereka yang miskin, berubahlah raut wajah Nabi. Nabipun masuk dan keluar, lalu memerintahkan Bilal untuk azan dan iqamat, lalu nabi pun solat, kemudian berdiri berkhutbah. Nabi berkata, "Wahai manusia, bertakwalah kepada tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari satu jiwa" hingga akhir ayat tersebut "Sesungguhnya Allah Maha Mengawasi kamu ". Lalu membaca ayat yang lain di akhir surat al-Hasyr "Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah, dan hendaknya jiwa melihat apa yang telah dia kerjakan untuk esok hari".

Dari kisah di atas jelaslah bahawa Nabi s.a.w yang memberi motivasi para sahabat untuk bersedekah. Sahabat dari kalangan Ansar yang pertama kali bersedekah, lalu diikuti oleh para sahabat yang lain. Lalu setelah itu Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud: Sesiapa yang merintis sunnah hasanah/baik".

Daripada kronologi ini jelas bahawa yang dimaksud dengan sunnah hasanah adalah sunnah yang bersumberkan daripada Nabi iaitu sedekah

Dari sudut bahasa pula, makna lafaz سَنَ adalah memulai perbuatan lalu diikuti oleh orang lain, sebagaimana yang terdapat dalam kamus-kamus bahasa Arab.

Memberi maksud "sanna sunnatan hasanah" dengan maksud berbuat bid'ah hasanah yang tidak pernah diamalkan oleh Nabi s.a.w tidak dapat diterima kerana:

- a) Bertentangan dengan keumuman sabda Nabi ﷺ "Seluruh bid'ah sesat"

- b) Berdasarkan makna yang termaktub dalam kronologi hadits Jarir bin Abdillah, bahwa yang dimaksud dengan sunnah hasanah adalah bersedekah. Bersedekah bukanlah bid'ah.
- c) "Sesiapa yang merintis sunnah hasanah/baik" tidak membawa maksud membuat amal ibadah yang baru kerana tidak mungkin diketahui itu baik atau buruk kecuali dari sisi syari'at.
- d) Jika maksud مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً adalah membuat ibadah baru yang tidak diajarkan oleh Nabi bererti Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam telah menganjurkan kita untuk sering membuat ibadah baru (bid'ah hasanah).

3. Melampau dalam Berpegang dengan Zahir Hadis (tekstual) Definisi Zahir (Tekstual).

Zahir (Tekstual) bermaksud memahami sesuatu teks berdasarkan zahir teks tersebut. Dalam bahasa Arab ia diterjemahkan sebagai *Al-Zahir.al-Zahir* dari sudut bahasa ialah *al-Wadih* dan *al-Bayyin* iaitu jelas dan terang.⁷ Dari sudut istilah pula ialah sesuatu yang ditunjukkan oleh zatnya kepada makna yang rajih dan berkemungkinan mempunyai makna yang lain. Sebagai contoh hadis "Berwuduklah selepas memakan daging unta". Teks ini secara zahir membawa maksud membersihkan anggota wuduk mengikut syarak bukan wuduk dengan maksud membersihkan. Beramal dengan makna zahir hadis hukumnya wajib melainkan terdapat dalil lain yang menunjukkan sebaliknya. al-Zahir merupakan dalil syarak yang wajib diikuti dan diamal dengannya. Ini berdasarkan ijmak para sahabat yang beramal dengan zahir lafaz hadis jika tiada halangan untuk berpegang dengannya. Itulah juga pegangan tabiin, ulama hadis dan fuqaha' Usul.

Pendekatan zahir teks (tekstual) dalam memahami hadis adalah pendekatan memahami hadis menurut zahir lafaz hadis. Pemahaman hadis secara tekstual ini dilakukan apabila hadis tersebut tidak mengkehendaki adanya alternatif lain selain dari yang dikehendaki oleh teks hadis itu sendiri setelah ditinjau dari segi ulum al-hadis⁸

Kriteria dan Ciri-Ciri Hadis Yang Perlu difahami Secara zahir lafaz (Tekstual)

Pemahaman hadis secara textual memerlukan adab dan syarat tertentu sebelum sesuatu hadis itu sesuai difahami secara textual. Antara kriteria-kriteria hadis yang sesuai difahami secara textual ialah seperti yang berikut:

a) Hadis-Hadis yang berkaitan dengan alam ghaib

Antara perkara yang termasuk di bawah kategori alam ghaib ialah alam malaikat, jin, syaitan, al-'arasy, al-Kursi, al-Lawh, al-Qalam, alam barzakh, soal kubur, nikmat dan azab, kebangkitan dari kubur, padang mahsyar, keadaan pada hari kiamat, syafaat, al-mizan, al-hisab, al-sirat, syurga, nikmat-nikmat yang terdapat di dalamnya, darjat-darjat manusia di dalamnya dan neraka serta jenis-jenis azab di dalamnya sama ada *hissi* atau *maknawi* dan peringkat-peringkat manusia di dalamnya.

Seorang muslim yang berilmu wajib menerima hadis-hadis yang telah thabit kesahihannya menurut kaedah para ulama dan golongan salaf yang menjadi ikutan. Hadis-hadis berkaitan alam ghaib tidak harus ditolak semata-mata kerana ia bertentangan dengan akal. Para ulama telah menegaskan bahawa agama kadang kala membawa sesuatu yang menghairankan akal tetapi ia tidak membawa sesuatu yang mustahil pada akal. Nas yang sahih tidak akan bertentangan dengan akal yang waras. Jika ia dikatakan bertentangan, ini menunjukkan ada yang tidak betul sama ada nas itu tidak sahih ataupun akal itu tidak waras. Imam al-Syatibi dalam kitabnya *al-I'tisam* mengatakan bahawa setengah daripada sifat ahli bidaah dan penyeleweng ialah mereka menolak hadis-hadis yang tidak sesuai dengan mazhab dan kehendak mereka.⁹ Lantas mereka mengatakan hadis-hadis tersebut bertentangan dengan akal.

Sewajarnya bagi seseorang muslim beriman dan percaya terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan alam ghaib. Keadaan di negeri akhirat berbeza dengan keadaan di dunia. Ibn Abbas pernah menyatakan: Tidak ada di dalam syurga itu suatu perkara pun dari dunia kecuali nama-nama sahaja. Umat Islam sewajarnya tidak menyoal tentang kaifiat dan hakikatnya kerana akal manusia dalam banyak hal tidak berupaya mengetahui hakikat perkara yang ghaib.

Dalam majalah Al-Islam keluaran November 2003/Ramadan 1424 Astora Jabat ketua editor majalah tersebut menulis bahawa azab kubur tidak wujud. Di

antara dalilnya ialah tiada ayat yang menyebut dengan jelas tentang adanya azab kubur dan tiada hadis yang sahih mengenainya.

Hadis-Hadis Mutashabihat

Para ulama dalam memahami hadis-hadis *mutashabihat* terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan salaf yang memahami secara zahir nas (tekstual) dan golongan khalaf yang cenderung kepada pentakwilan .

Antara hadis-hadis yang difahami oleh golongan salaf secara tekstual ialah seperti hadis Allah turun ke langit dunia,¹⁰ hadis mengenai kegembiraan Allah bagi hambanya yang bertaubat dan bagaimana Allah membentangkan tangannya pada malam hari untuk mengampuni dosa manusia yang dilakukan di siang hari dan membentangkan tangannya pada siang hari untuk mengampuni dosa manusia yang dilakukan pada malam hari.¹¹ Begitu juga hadis mengenai Allah lebih gembira daripada seorang hamba yang kehilangan binatang tungangannya kemudian menemuinya kembali. Kesemuanya ini wajar difahami secara zahir nas (tekstual) tanpa perlu ditakwilkan.¹²

b) Lafaz-lafaz hadis yang disokong maknanya oleh Alquran dan hadis

هَذَا جَبَلٌ يُحِبُّنَا وَنُحِبُّهُ¹³

Maksudnya: Bukit ini (Uhud) mengasihi kita dan kita mengasihinya.

Ulama berselisih pendapat dari sudut *al-mahabbah* yang dizahirkan oleh bukit Uhud, adakah bersifat hakikat ataupun *majaz*. Menurut Imam al-Nawawi bukit Uhud mengasihi nabi dan sahabat secara hakikat. Samalah juga dengan batu yang takut kepada Allah sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 74:

وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَهْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ

Maksudnya: *Dan di antaranya (batu), sungguh ada yang meluncur jatuh kerana takut kepada Allah. Kisah batu bertasbih sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-Isra' ayat 44 jelas membuktikan tiada perkara yang mustahil dengan izin Allah*

وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ

Maksudnya: *Dan tiada suatupun melainkan bertasbih dengan memujiNya tetapi kamu sekalian tidak mengerti tasbih mereka.*

Kisah bagaimana batu melarikan pakaian nabi Musa membuktikan bagaimana Allah berkuasa memberikan kelebihan kepada makhluknya yang dikehendaki.¹⁴ Rasulullah s.a.w juga pernah bersabda: Sesungguhnya aku mengetahui batu di Mekah yang memberi salam kepadaku¹⁵ Begitu juga ketika mana gua Hira' bergegar lalu berkata tenanglah hira' tidak ada di atas engkau melainkan nabi atau siddiq atau shahid.¹⁶

Namun terdapat kekeliruan di kalangan masyarakat Islam di Malaysia apabila mereka meletakkan batu-batu sungai di atas kuburan dengan harapan zikir batu tersebut akan memberi manfaat kepada si mati.

Berdasarkan kepada sokongan ayat-ayat Alquran dan kisah-kisah seumpamanya yang diceritakan dalam hadis nabi membuktikan kesesuaian dan ketepatan hadis ini untuk difahami secara tekstual.

4. Melampau dalam penggunaan Akal

Akal membawa maksud *al-Hijr* (halang) wa *al-Nuha* (cerdik) lawan kepada *al-Himq* (bodoh). Kata pluralnya ialah '*Uqul*. Dinamakan *al-aql* kerana menghalang seseorang itu daripada terlibat dalam kebinasaan. Dikatakan *al-aql* ialah membezakan iaitu dengannya membezakan manusia dengan haiwan yang lain atau membawa maksud kekuatan yang dengannya membezakan antara keburukan dan kebaikan.¹⁷

Golongan anti hadis dan Islam Liberal di Malaysia banyak menggunakan logik akal mereka dalam memahami hadis-hadis nabi s.a.w. Interpretasi mereka terhadap hadis-hadis nabi kesemuanya berdasarkan akal mereka semata-mata.

Kassim Ahmad pernah menyatakan:

Agama itu akal, tiada agama kalau tiada akal. Hadis ini selaras dengan ajaran al-Qur'an bahawa tiada siapa boleh beriman kecuali dengan izin Allah dan Dia menghalang mereka yang tidak menggunakan akal (lihat al-Qur'an 10:100). Jelas dari ayat ini bahawa iman dan akal itu selaras. Jika iman kita tidak dapat diterima oleh akal, maka iman itu cacat, sebaliknya,

jika kita menolak kepercayaan kepada Tuhan dan Hari Pembalasan, maka akal kita cacat.¹⁸

Pergantungan penuh beliau kepada akal semata-mata, menyebabkan beliau menolak hadis-hadis nabi sebagai sumber hukum.

Kassim Ahmad juga pernah menyatakan:

Pada pendapat saya, umat Islam tidak akan dapat bangun semula dengan sebenarnya dan sepenuhnya, kecuali dengan membebaskan diri mereka dari segala macam kuasa palsu.....Satu daripada kuasa-kuasa palsu yang telah dipegang oleh umat Islam selama lebih 1000 tahun ialah hadis/sunnah.¹⁹

Beliau menambah lagi:

Sekarang setelah saya mengkaji semula dengan lebih teliti perkara ini, saya dapati hadis/sunnah tidak boleh dipakai sebagai sumber undang-undang Islam. Hadis/sunnah hanya boleh dianggap sebagai satu catatan sejarah.²⁰

Beliau juga mendakwa hadis bertentangan dengan Alquran. Katanya Hadis-hadis yang didakwa sahih yang bercanggah dengan ajaran al-Qur'an, saya dapati banyak juga. Dalam kiraan kasar, saya letakkan 40 peratus yang terang-terang bercanggah dengan ajaran al-Qur'an.²¹

Ketika mengulas mengenai hukuman zina, beliau menyatakan:

Dalam kes zina, al-Qur'an menetapkan hukuman terhadap pasangan berzina, sama ada telah berkahwin atau tidak ialah seratus rotan. Al-Qur'an tidak pernah menyatakan hukumannya adalah rejam. Hanya hadis sahaja yang menetapkannya, ini menandakan hadis itu bercanggah dengan al-Qur'an, dan ia harus ditolak.²²

Ketika mengulas mengenai hadis perintah sembahyang, beliau menyatakan:

Kita telah membuktikan bahawa perintah sembahyang telah diberi oleh Tuhan kepada Nabi Ibrahim dan kaumnya, dan amalan ini telah diperturunkan generasi demi generasi, hingga kepada Nabi Muhammad dan umatnya. Hal ini telah disahkan oleh sejarah²³.

Ketika mengulas mengenai hadis berkaitan wanita, beliau menyatakan:

Terdapat beberapa hadis bersifat anti wanita dan ini bercanggah dengan ajaran al-Qur'an dan akal. Salah satu hadis yang dimaksudkan itu ialah hadis Abu Said al-Khudri melaporkan: seorang wanita datang kepada Rasullullah semasa kami berada bersama-sama beliau dan berkata: "Suami saya memaksa saya berbuka puasa sedangkan saya berpuasa". (setelah Nabi mendengar jawapan suaminya yang kuat nafsu) Nabi pun berkata: "wanita tidak boleh berpuasa kecuali dengan izin suaminya". Riwayat Abu Daud dan Ibn Majah. Kassim Ahmad menjelaskan:

Saya yakin nabi tidak pernah berkata demikian kerana ia bercanggah dengan ajaran al-Qur'an dan bertentangan dengan watak Nabi yang menghormati dan memuliakan wanita. Bukankah hadis ini seperti banyak hadis lain memalsukan dan memfitnah Nabi?²⁴

Ketika mengulas mengenai sempadan aurat, beliau menyatakan:

Tanda tentang aurat ialah wuduk. Semasa wuduk. Allah s.w.t. menyuruh kita membasuh muka, tangan dan menyapu kepala. Maknanya kepala itu tidak ditutup, kerana kalau kepala itu ditutup tentu Tuhan tidak menyuruh kita menyapunya.²⁵

Sekiranya qias ini diterima, maka kemaluan juga bukan aurat. Sebelum berwuduk Tuhan juga menyuruh kita bersuci daripada segala najis dan hadas. Jadi mengikut kaedah itu, apa yang perlu dicuci ia tidak ditutup. Maka kemaluan yang perlu dicuci itu bukan aurat.

Terdapat juga di kalangan mereka yang *menqiaskan* sempadan aurat dengan penyusuan bayi. Kadangkala si ibu terpaksa menyusukan bayinya di khalayak ramai. Ini menandakan dada wanita itu tidak aurat, sekiranya aurat pastilah Allah tidak menjadikan tempat susuan itu di dada wanita.²⁶

Salah seorang bekas wartawan terkenal dan bekas editor majalah al-Islam. Astora Jabat turut berpendirian bahawa wanita tidak wajib menutup rambut mereka kerana rambut bukanlah sebahagian daripada aurat kaum wanita. Antara hujah beliau ialah:

1. Pada zaman Rasulullah saw. dan sahabat, ada wanita yang tidak menutup rambut sebagaimana disebut dalam kitab-kitab lama.

2. Kawan-kawan wanita yang sama belajar dengannya di Thailand dan Wakaf Baru (Kelantan) hanya menutup rambut sewaktu di kelas agama sahaja, tidak di luar.
3. Manakala kawan-kawan wanitanya semasa belajar di Tunisia dan Maghribi (Morocco) tidak menutup rambut langsung sama ada di dalam atau di luar kelas.
4. Guru wanitanya yang bernama Aishah bt. Abd Rahman (terkenal dengan gelaran Bintu al-Shati', saya pun memiliki beberapa buku tulisannya) tidak memakai tudung kecuali setelah teramat tua.
5. Pelajar wanita Melayu dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina sebelum 1979 tidak bertudung ketika mereka belajar di Mesir, kecuali semasa musim sejuk. Ini termasuklah pelajar wanita yang telah menjadi isteri ulama di Malaysia sekarang ini. Anak-anak wanita ulama al-Azhar sendiri tidak bertudung seperti anak Dr. Muhd Ali Mahjoub, anak dan isteri pemikir Islam terkenal Adel Hussain dan anak Dr. Fathi 'Uthman pun tidak bertudung.
6. Fenomena bertudung hanya muncul sejak 20 tahun kebelakangan ini sahaja iaitu selepas Revolusi Iran 1979.
7. Tidak harus mengecam wanita yang tidak bertudung kerana mereka mungkin mengikut pendapat mazhab yang mengatakan tidak berdosa jika tidak bertudung seperti pendapat sesetengah ulama mazhab Hanafi atau hanya dosa kecil seperti pendapat sesetengah ulama mazhab Maliki.
8. Puak-puak yang inginkan wanita bertudung bukan setakat ingin menutup rambut wanita sahaja bahkan mereka ingin menutup akal wanita supaya tidak mendapat pelajaran.

Menurut Sister in Islam, pemakaian wanita adalah hak individu, tiada sesiapa pun boleh memaksa mereka untuk menutup aurat. Mereka menentang amalan pencegah maksiat yang membuat rondaan dan tangkapan bagi sesiapa yang melakukan maksiat dengan alasan pihak berkuasa tidak ada hak untuk menjaga akhlak seseorang. Zainah Anwar pernah mengemukakan pandangannya mengenai isu ini dengan katanya:

Moral awam perlu dilaksanakan dengan kesungguhan dan kebijaksanaan bukan paksaan dan hukuman ...Kita perlu melihat Islam dalam dunia

moden. Namun amalan sebegini memaparkan Islam sebagai satu agama dengan sistem undang-undang yang bersifat menghukum. Ke mana pergiya suruhan agama yang meminta kita melaksanakan sesuatu dengan bijaksana, pujukan kasih sayang, hormat, menghormati, bertoleransi dan sebagainya.²⁷

Ketika mengulas mengenai kaifiat solat, kumpulan anti hadis menyatakan: Mengikut hadis perintah sembahyang diterima oleh nabi Muhammad dalam perjalanan malam Isra' dan Mikraj yang mana cerita-cerita hadis menggambarkan beliau tawar menawar dengan Allah s.w.t tentang bilangan waktu sembahyang untuk umat Islam dengan nabi Musa sebagai penasihat beliau. Kenyataan ini satu rekaan untuk menyedapkan telingamu²⁸

Kumpulan ini mendakwa bahawa melaksanakan syariat Islam cukup dengan Alquran sahaja Contohnya dalam melaksanakan ibadat sembahyang umat Islam tidak perlu merujuk kepada amalan Rasulullah kerana amalan sembahyang telahpun ada sejak zaman nabi Ibrahim .Oleh yang demikian kita boleh melakukan sembahyang dengan cara meniru cara datuk nenek kita melakukannya mengikut cara asal nabi Ibrahim, Ismail, Yaakub, Musa, Isa dan pengikut-pengikut mereka. Lantaran Alquran tidak menyebutkan perincian maka cara melakukannya bolehlah dengan akal dan perundingan²⁹

Proses pensyariatan sembahyang ini kemudiannya telah diselewengkan lagi oleh Othman Ali penulis Buku Bacaan yang menyatakan bahawa : Ayat ini bermakna sembahyang hanya tiga kali sehari iaitu Subuh , Maghrib dan Isya' tetapi ulama mengajar kita sembahyang lima kali sehari.Ini satu pembohongan jelasnya

Sembahyang juga menurut beliau minimum satu rakaat sahaja dan umat islam juga boleh menggunakan apa sahaja bahasa semasa menunaikannya termasuk semasa membaca surah al-Fatihah³⁰

Sembahyang itu cukup dengan zikir. Jadi tidak mesti dengan ruku' sujud, baca fatihah, tasyahud, salam dan lain-lain³¹

Golongan anti hadis berfahaman bahawa dua kalimat yang diucapkan oleh umat Islam adalah dilarang oleh Alquran kerana syahadah yang diwajibkan hanyalah la ilaha-illallah. Dakwaannya itu berbunyi:

“Quran mengajar syahadah dalam tiga buah ayat iaitu ayat 18 surah 3, yang menyatakan bahawa Tuhan, para malaikat dan orang-orang yang berilmu bersaksi bahawa “Tiada Tuhan melainkan Allah ayat 19 surah 47 yang menegaskan “ketahuilah bahawa tiada tuhan melainkan allah dan ayat 1 surah 63 yang membantalkan kenyataan orang-orang munafik yang mendakwa ‘Kami bersaksi bahawa Muhammad Rasul Allah³²

Dua kalimah yang diajar dalam hadis itu bercanggah dengan ayat-ayat di atas³³

Mereka menganggap kalimah syahadah mempunyai unsur syirik kepada Allah seolah-olah Allah s.w.t tidak boleh berdiri sendiri³⁴ Di samping itu Alquran turut menyebut bahawa syahadah itu tiada tuhan melainkan allah sedangkan ulama mengajarkan kepada kita bahawa syahadah itu termasuklah juga bahawa nabi Muhammad itu pesuruh allah .Bukan sahaja syahadah kita salah malah ia juga mengakibatkan sembahyang kita salah kerana menyebut nama nabi semasa tahiyyat awal dan akhir³⁵

Mereka mendakwa ulama Islam telah membuat orang percaya bahawa Nabi Muhammad mempunyai kuasa syafaat pada hari akhirat. Terdapat beberapa hadisnya atas dakwaan tersebut dan satu daripadanya adalah di Jilid 1 Hadis 331 diriwayatkan Jabir bin Abdullah. Walhal Tuhan mengajar hanya Dia yang mempunyai kuasa syafaat.

5. Melampau dalam Takwil Hadis

Takwil dari segi bahasa ialah *dabbarahu* (memerhatikannya) wa *qaddarahu* (memaksudkannya). Takwil dari sudut istilah ialah memindahkan zahir lafaz daripada kedudukan asalnya kepada apa yang memerlukan kepada dalil.³⁶

Jika terdapat hadis-hadis nabi yang jika difahami secara zahir lafaz (tekstual) akan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat maka kaedah lain perlu digunakan. Antara hadis-hadis nabi yang tidak sesuai difahami secara zahir lafaz (tekstual) dan perlu ditakwilkan ialah seperti berikut:

Hadis –hadis yang mempunyai makna *Majaz* atau kiasan

Bahasa metaforis atau *majaz* dalam bahasa Arab dapat diungkapkan sebagai kata yang dipakai bukan pada makna yang diperuntukkan baginya kerana adanya hubungan (*'alaqah*) diikuti dengan tanda-tanda yang mencegah penggunaan makna asli tersebut³⁷. Pengalihan makna hakiki kepada *majazi* dilakukan kerana adanya *'alaqah* (korelasi) dan *qarinah* (tanda-tanda) yang menghalang pemakaian makna asli (hakiki) tersebut. Sebagai contoh hadis syurga di bawah bayangan pedang³⁸, orang yang beriman itu makan dengan satu usus (perut) sedang orang kafir makan dengan tujuh usus³⁹ dan seumpamanya.

Perbezaan usus dalam matan hadis tersebut menunjukkan perbezaan sikap atau pandangan dalam menghadapi nikmat Allah termasuk tatkala makan. Orang yang beriman memandang makan bukan sebagai tujuan hidup sedang orang kafir menempatkan makan sebagai bahagian dari tujuan hidupnya.

Begitu juga hadis mengenai *raudah* daripada taman-taman syurga⁴⁰ ataupun hadis mengenai Nil dan Furat daripada sungai-sungai di syurga.

Tidak benar jika difahami *raudah* itu sebahagian daripada syurga dan sungai-sungai itu turun dari syurga. Menurut Ibn Hazam, yang dimaksudkan dengan *rawdah* dalam hadis ini ialah kelebihannya dan sesiapa yang menunaikan solat di tempat tersebut dapat membawa ke syurga⁴¹.

Takwilan yang salah

Hadis mengenai Najd Qarn al-Syaitan

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي شَامِنَا اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي يَمِنِنَا قَالُوا وَفِي نَجْدِنَا فَيَمِنِنَا اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي شَامِنَا وَبَارِكْ لَنَا فِي يَمِنِنَا قَالُوا وَفِي نَجْدِنَا فَيَمِنِنَا قَالَ هَذَاكَ الزَّلَازِلُ وَالْفَتَنُ وَبِهَا أَوْ قَالَ مِنْهَا يَخْرُجُ قَرْنُ الشَّيْطَانِ⁴²

Terdapat pandangan yang ditemui menyatakan bahawa Najd yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah tempat kelahiran Muhammad bin 'Abd Wahhab yang dikaitkan dengan fahaman Wahabi. Pandangan tersebut jelas menyeleweng kerana kitab-kitab syarah hadis menyatakan Najd yang dimaksudkan di sini ialah negeri Iraq.⁴³

Begitu juga takwilan kumpulan Dar al-Arqam yang mentakwilkan Imam Mahdi sebagai Syeikh Muhammad Suhaimi dan pemuda Bani Tamim sebagai

Ustaz Muhammad Ashaari. Mereka mentakwilkan hadis riwayat Imam Ahmad seperti berikut:

وَنَالَ رَجُلٌ مِّنْهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : ((لَا تَقْلِيلٌ لِّبْنِي تَعْمِيمٌ إِلَّا خَيْرًا ، فَإِنَّهُمْ أَطْوَلُ النَّاسِ رِمَاحًا عَلَى الدِّجَالِ)) مَسْنَدُ أَحْمَدَ

Maksudnya: *Seorang lelaki telah dihina di hadapan Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w bersabda: Janganlah kamu mengucapkan kepada bani Tamim melainkan kebaikan kerana sesungguhnya mereka merupakan golongan yang paling jauh panahanannya ke atas Dajjal.* (Riwayat Imam Ahmad)

Memahami hadis tanpa mengambil kira maqasid

Mengambil kira maqasid dalam memahami hadis merupakan asas bagi sesiapa yang ingin memperbaiki pemahamannya terhadap nas syarak. Para ulama bersepakat bahawa syariat datang bagi menyempurnakan maslahah manusia dan menjauhi mereka daripada kerosakan dalam kehidupan dan pada hari akhirat. Imam al-Syatibi menjelaskan bahawa “sesungguhnya perletakan syariat adalah untuk maslahah hamba sama ada segera atau kemudian.⁴⁴

Ibn al-Qayyim pernah meletakkan satu fasal dalam bukunya *I'lam al-Muwaqqi'in* yang berjudul “Perubahan fatwa dan perselisihannya adalah berdasarkan perubahan zaman, tempat, keadaan ,niat dan adat”.⁴⁵

Ulama menggariskan beberapa syarat dalam memahami hadis dengan mengambil kira maqasid antaranya :

- a) Mengambil kira perbezaan adat dan urf
- b) Wujud sebab ,memenuhi syarat, tiadanya halangan
- c) Darurat yang mendatang
- d) Perubahan sifat atau nama
- e) Perubahan alat dan perantaraan

Antara contoh kegagalan mengambil kira maqasid dalam memahami hadis adalah seperti hadis ziarah ke masjid al-Aqsa

لَا تَشْدِدُ الرَّحَالَ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدٍ: الْمَسَاجِدُ الْحَرَامُ، وَمَسَاجِدُ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَمَسَاجِدُ الْأَقْصَى

Maksudnya: *Tidak bersusah –susah melakukan perjalanan melainkan ke tiga masjid: al-Masjid al-Haram, Masjid al-Rasul dan Masjid al-Aqsa.*

Akhir-akhir ini terdapat beberapa syarikat pelancongan yang menawarkan lawatan ke Masjid al-Aqsa. Pastinya tawaran itu mendapat sambutan daripada kalangan umat Islam yang berada dengan segala senang hatinya tanpa berfikir dan bertanya pandangan Islam mengenainya. Mereka menganggap ini satu peluang keemasan untuk menziarahi masjid yang digalakkan oleh Nabi s.a.w. sendiri supaya menziarahinya. Menurut Dr. Anas Jarrah, berlaku perselisihan pendapat di kalangan ulama berhubung persoalan ini. Ada yang berpendapat boleh dan ada juga yang mengatakan haram. Setiap golongan mengemukakan hujah serta dalil masing-masing.

Hujah golongan yang mengatakan boleh:

Golongan ini berpendapat boleh bagi seseorang muslim menziarahi al-Quds dan Masjid al-Aqsa dengan mengambil visa dari kedutaan Israel. Antara alasan mereka ialah:

1. Qias kepada ziarah Mekah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. yang mana Mekah ketika itu berada di bawah penguasaan Musyrikin Quraisy. Kita Sedia maklum bahawa kaum Quraisy menguasai tempat paling suci di muka bumi ini, iaitu Bait-Allah al-Haram. Sekiranya perbuatan ziarah itu haram, sudah tentu Rasulullah s.a.w. tidak akan melakukannya.
2. Ziarah boleh membantu rakyat Palestin dengan memberikan sokongan material dan moral, lebih-lebih lagi kepada mereka yang menetap di al-Quds. Ini dapat meningkatkan semangat juang serta ketabahan mereka menentang musuh.
3. Perkongsian isu Palestin, khususnya isu al-Quds. Melalui lawatan dapat menzahirkan ikatan umat Islam dengan Bandar suci ini dan mendorong mereka mengambil berat mengenainya lebih daripada sebelumnya.
4. Ziarah sama sekali tidak bermakna mengiktiraf Negara Yahudi. Bahkan sekadar mengambil kebenaran masuk demi mencapai maslahah yang lebih besar, iaitu memelihara kesucian al-Quds dan meramaikan umat Islam di sana.
5. Qias kepada rakyat Palestin yang berada di dalam Palestin itu sendiri, di mana mereka masuk dan keluar al-Quds di bawah pengawasan Israel. Tidak

ada seorang ulama pun yang mengatakan keluar masuknya mereka itu haram.

6. Meraih pahala yang dijanjikan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabda baginda yang bermaksud: “Jangan kamu bersusah payah bermusafir kecuali untuk mengunjungi tiga masjid; Masjid aku ini, Masjid al-Haram dan Masjid al-Aqsa.” At-Tirmizi.

Dalil golongan yang mengatakan haram:

Golongan ini berpendapat tidak harus menziarahi Masjid al-Aqsa dengan mengambil visa daripada penajah Israel atau kedutaan mereka. Dalil mereka ialah:

1. Sesungguhnya Allah Ta’ala melarang kita bekerjasama dengan musuh dan menolong mereka. Allah berfirman maksudnya: “... *dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan...*” (Al-Maidah:2).
2. Masuk ke dalam al-Quds dan Masjid al-Aqsa dengan mengambil visa daripada mereka bererti umat Islam menolong Yahudi dari segi material dengan membayar harga visa dan lain-lain. Dari segi moral juga memberi keuntungan kepada mereka dengan menunjukkan bahawa mereka membenarkan umat Islam masuk untuk ziarah Masjid al-Aqsa. Ini jelas merupakan satu bentuk tolong menolong dalam perkara dosa.
3. Sesungguhnya mengiktiraf rejim Yahudi adalah haram sebagaimana diputuskan oleh jumhur ulama. Mengambil visa daripada mereka bererti umat Islam memperakui kewujudan dan keabsahan kedutaan mereka. Dengan itu secara langsungnya umat Islam mengiktiraf keabsahan kewujudan rejim mereka serta kekuasaannya di atas bumi umat Islam.
4. Palestin kini sedang dijajah. Kewajipan umat Islam adalah membebaskan dan membersihkannya dari penjajahan. Sekiranya umat Islam tidak mampu membebaskannya, maka lebih utama umat Islam memboikot pihak yang menjajahnya, bukan dengan cara masuk ke dalam kedutaan mereka dan meminta izin daripada mereka untuk masuk, kemudian mereka yang menentukan sama ada umat Islam boleh masuk atau tidak.

5. Masuk ke dalam kedutaan Israel kemudian ke bumi Palestin menjadikan itu satu kebiasaan yang akan menjadikan orang berasa tidak salah lagi Yahudi menjajah bumi itu. Apa lagi segolongan besar mereka yang dapat masuk itu mengambil kesempatan pula menziarahi penempatan haram mereka seperti Tel Aviv, Haifa, Netanya, dan Kaisarea. Ini bererti suatu perkara yang mungkar dan keji.

Para ulama telah menjelaskan bahawa apabila bertentangan antara mafsadah dengan maslahah, mestilah didahulukan dengan menolak atau mengelak mafsadah. Hal ini disebut oleh Ibn Nujaim al-Hanafiy di dalam kitabnya “al-Asybah wa an-Nadzair”: “Menolak mafsadah lebih diutamakan daripada menarik maslahah. Maka apabila berlawanan antara mafsadah dan maslahah, dahulukan menolak mafsadah”. Justeru pendapat yang mengharamkan adalah lebih tepat.

6. Memahami dilalah hadis secara salah

Kesalahan lain yang melibatkan kefahaman terhadap hadis ialah memahami dilalah hadis secara salah. Contoh yang terbaik yang boleh dikemukakan di sini ialah apabila sebuah syarikat di Malaysia mencipta Selipar Rekabentuk Capal Nabi dengan tujuan supaya masyarakat Islam dapat mengingati nabi s.a.w apabila memakai selipar tersebut. Jika diperhatikan hadis-hadis nabi, tiada satu hadis pun yang menceritakan mengenai kelebihan memakai selipar seperti selipar nabi. Jika ada pun hadis mengenai selipar, ia berkaitan selipar nabi yang terkena najis ketika solat dan perintah supaya memakai selipar ketika solat bagi menyalahi orang Yahudi. Usaha syarikat ini mencipta selipar rekabentuk capal nabi, walaupun niatnya baik tetapi telah menyalahi *dilalah* hadis yang sama sekali tidak menyentuh mengenai perintah memakai selipar seperti selipar nabi. Malangnya usaha syarikat ini mendapat sokongan padu daripada jabatan mufti beberapa negeri di Malaysia, beberapa pondok pesantren di Malaysia dan Indonesia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Antara pujian mereka terhadap projek ini ialah untuk lebih mengingati, mendekati dan menyintai Rasulullah s.a.w. Justeru persoalan yang timbul adakah nabi s.a.w pernah menganjurkan umat Islam untuk memakai selipar seperti bentuk selipar yang baginda pakai?

Penutup

Artikel ini membincangkan mengenai kepentingan memahami hadis dengan tepat dan metode-metode yang digariskan oleh para ulama bagi menghasilkan pemahaman yang betul terhadap hadis-hadis nabi s.a.w. Penyelewengan golongan anti hadis, Islam liberal dan sufi yang sesat terhadap hadis-hadis nabi adalah disebabkan pengabaian mereka kepada metode-metode yang diletakkan oleh ulama hadis terutamanya melampau dalam menggunakan akal dan mentakwil hadis. Antara kesalahan dan kesilapan dalam memahami hadis di kalangan masyarakat Islam di Malaysia ialah Memahami Hadis Secara Terpisah Dengan Hadis Yang Lain, Mengabaikan aspek *Siyaq* (gaya teks) dan *Sabab Wurud al-Hadis*, Melampau dalam Berpegang dengan Zahir Hadis (tekstual), Melampau dalam penggunaan Akal, Melampau dalam Takwil Hadis, Memahami hadis tanpa mengambil kira maqasid dan Memahami dilalah hadis secara salah.

Catatan

¹ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah , *al-Ruh*, h 84.

²Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jum'ah, Bab Solat al-Talib wa al-Matlub Rakiban wa Ima'an no hadis 894.

³ Al-Khatib al-Baghdadi, *al-Jami' li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'* .h. 370

⁴ Ibn al-Qayyim. *Bada'i' al-Fawaid* j.4 h. 815

⁵ Ibn al-Qayyim. *I'lam al-Muwaqqi'in* j.1 h. 338

⁶ Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, Kitab al-'Ilm, Bab man sanna sunnatan hasanatan aw sayyiatan wa man da'a ila huda aw dalalah, no hadis 4830

⁷Ali bin Muhammad Al-Amidi Abu al-Hasan, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi j. 3 h. 58

⁸ Ilyas Husti, MA Dr (2000), Pemahaman Hadis Secara Kontekstual : Suatu Telaah Terhadap Asbab al-Wurud Dalam Kitab Sahih Muslim , Pekan Baru: Susqa Press. h. 5

⁹ Yusuf al-Qardawi (1996), Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah, terj Huda Mohsin & Jawiah Dakir, Angkatan Belia Islam Malaysia Petaling Jaya h. 225-226.

¹⁰ Muslim bin Hajjaj al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, Targhib fi Du'a' wa al-Zikr fi Akhir al-Layl wa al-Ijabah fihi, no hadis 1261

¹¹ Muslim bin Hajjaj al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, Kitab Taubah, Bab Qabul al-Taubah min al-Zunub wa in takarrarat al-zunub wa al-taubah, no hadis 4954.

¹² Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Da'awat, Bab al-Taubah, no hadis 5833.

¹³ Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Maghazi, Bab Uhud yuhibbuna wa nuhibbuhu, no hadis 3774

¹⁴ Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Ghusl, bab man ightasala 'uryanan wahdahu fi al-khulwah wa man tasattara fa al-tasattur, no hadis 269

¹⁵ Muslim bin al-Hajjaj al-Nisaburi, *Sahih Muslim*, Kitab al-Fadail, Fadl Nasb al-Nabiy s.a.w wa taslim al-hajar, no hadis 4222.

¹⁶ Muslim bin al-Hajjaj al-Nisaburi, *Sahih Muslim*, Kitab Fadail al-Sahabah, Bab min Fadail Talhah wa al-Zubayr r.a . no hadis 4438

¹⁷ Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* j.9 h 326.

¹⁸ <http://www.kassimahmad.blogspot.com/2007/04/mesyuarat-agung-forum-iqra-yang-keenam.html> (diakses pada 28 April 2007)

¹⁹ Lihat lampiran: Artikel yang dihantar oleh Kassim Ahmad kepada Ust. Idris Zakaria yang bertajuk "Masalah Hadis/Sunnah, hlm.3-4, Artikel berkenaan turut dimuatkan di akhbar Watan, no.25 dalam ruangan "Berani Kerana Benar".

²⁰ Lihat lampiran: Surat Kassim Ahmad kepada Ustaz Idris Zakaria yang bertarikh 18 September 1985.

²¹ Kassim Ahmad, Jawapan Penuh Kepada Nordi Achie, al-Islam, Julai 2006, hlm.77.

²² Kassim Ahmad, Jawapan Penuh Kepada Nordi Achie, al-Islam, Julai 2006, hlm.76.

²³ Lihat lampiran: Artikel yang dihantar oleh Kassim Ahmad kepada Ust. Idris Zakaria.

²⁴ Lihat lampiran: Artikel yang dihantar oleh Kassim Ahmad kepada Ust. Idris Zakaria.

²⁵ Kassim Ahmad, Utusan Malaysia, 14 Ogos 1995.

²⁶ Lihat: Respons Pembaca bertajuk Antara Menutup Rambut Atau Menutup Kepala, al-Islam, Julai 2004, hlm. 82.

²⁷ Lihat: Noorzila Jamaluddin dan Hafiz Hamzah, Undang-Undang Tidak Boleh Jaga Moral Awam?, al-Islam, Jun 2005. h.19.

²⁸ (petikan dari buku Hadis Satu Penilain Semula "tulisan Kassim Ahmad h.99)

²⁹ (petikan dari buku "Hadis Jawaban Kepada Pengkritik tulisan Kassim Ahmad halaman 40 -41

³⁰ (petikan dari Utusan malaysia 14 Julai 1995)

³¹ petikan dari buku Taat kepada Allah Dan Taat Kepada Rasul (h. 51-52)

³² h.137

³³ petikan dari buku "hadis Jawapan Kepada Pengkritik " tulisan Kassim Ahmad h.141

³⁴ petikan daripada buku "pendedahan Kebenaran adalah dari tuhanmu –Hadis di dalam al-Quran " oleh Idris Abdul Rahman h.316

³⁵ petikan daripada Akhbar Utusan malaysia 14 Julai 1995 kenyataan oleh Othman Ali

³⁶ Ibn Manzur j.9. h 326

³⁷ (Ahmad Hasyimi, 1978: 290)

³⁸ Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab al-Jannah tahta Bariqah al-Suyuf, no hadis 2607.

³⁹ Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-At'imat, Bab al-Mu'min ya'kulu fi mi'an wahidin, fihi abu hurairah 'an al-nabiy s.a.w. no hadis 4974

⁴⁰ Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jum'ah, Fadl ma bayna al-Qabr wa al-Minbar, no hadis 1120.

⁴¹ Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazam al-Zahiri, *al-Muhalla*, Dar al-Fikr, j.7 h 283

⁴² Muhammad bin Isa bin Thawrah al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi*, Kitab al-Manaqib 'an Rasulillah, Bab Fadl fi Fadl al-Sham wa al-Yaman, no hadis 3888. Imam al-Tirmidhi menghukumkan hadis ini sebagai hasan sahih gharib.

⁴³ Azwira

⁴⁴ Al-Shatibi. *Al-Muwafaqat*. j.2 h 9

⁴⁵ Ibn Qayyim. *I'lam al-Muwaqqi'in*. j.3 h 14

Bibliografi

Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazam al-Zahiri, *al-Muhalla*, Dar al-Fikr, j.7

Ali bin Muhammad Al-Amidi Abu al-Hasan, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi j. 3.

Ali bin Muhammad Al-Amidi Abu al-Hasan, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi j. 3.

Al-Khatib al-Baghdadi, *al-Jami' li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami*.

Al-Shatibi. *Al-Muwafaqat*. j.2

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah , *al-Ruh*.

Ibn al-Qayyim. *Badai' al-Fawaid* j.4.

Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* j.9

Ibn Qayyim. *I'lam al-Muwaqqi'in*. j.3.

Ilyas Husti, *Pemahaman Hadis Secara Kontekstual : Suatu Telaah Terhadap Asbab al-Wurud Dalam Kitab Sahih Muslim*, Pekan Baru: Susqa Press, 2000.

Kassim Ahmad, Jawapan Penuh Kepada Nordi Achie, al-Islam, Julai 2006.

Kassim Ahmad, Utusan Malaysia, 14 Ogos 1995.

Muhammad bin Isa bin Thawrah al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi*.

Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*.

Muslim bin al-Hajjaj al-Nisaburi, *Sahih Muslim*.

Noorzila Jamaluddin dan Hafiz Hamzah, Undang-Undang Tidak Boleh Jaga Moral Awam?, al-Islam, Jun 2005

Surat Kassim Ahmad kepada Ustaz Idris Zakaria yang bertarikh 18 September 1985.

Yusuf al-Qardawi (1996), Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah, terj Huda Mohsin & Jawiah Dakir, Angkatan Belia Islam Malaysia Petaling Jaya.